



**TRANSKRIP  
TEKS UCAPAN**

**YBHG. DATO' HJ. HASNOL ZAM ZAM BIN HJ. AHMAD  
TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA KANAN  
JABATAN PERDANA MENTERI**

**BERSEMPENA**

**PERHIMPUNAN BULANAN BERSAMA TKSUK JPM  
BULAN JUN 2019**

**TARIKH : 27 JUN 2019  
MASA : 8.30 PAGI  
TEMPAT: AUDITORIUM PERDANA  
BLOK B1, KOMPLEKS JPM**

Bismillahirrahmanirrahim,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Terima kasih saudara dan saudari Pengacara Majlis,

**Yang Berusaha Encik Mohammad bin Ismail,**

Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan dan Kewangan) JPM,

**Yang Berusaha Puan Roziah binti Abudin,**

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) JPM,

**Yang Berusaha Encik Jazmanie bin Shafawi,**

Setiausaha Bahagian, Bahagian Pembangunan, dan juga

**Yang Berusaha Puan Nik Zapida binti Nik Mat,**

Setiausaha Bahagian, Bahagian Teknologi Maklumat selaku penganjur perhimpunan kita pada hari ini berkaitan dengan teknologi maklumat.

Saya juga mengalu-alukan kehadiran **Yang Berusaha Encik Hanafiah bin Hassan daripada Enovade Sdn Bhd** selaku penceramah jemputan kita pada hari ini.

Yang Berbahagia Datuk-Datuk, Ketua-Ketua Jabatan, Setiausaha-Setiausaha Bahagian, Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian.

## **PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran saya rafakkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan rahmat dan inayah-Nya jua, kita dipertemukan dalam majlis Perhimpunan Bulanan Jabatan Perdana Menteri (JPM) bagi bulan Jun 2019 bersamaan bulan Syawal 1440H. Bulan ini adalah bulan yang melambangkan kemenangan dan kegembiraan bagi seluruh umat Islam setelah berhasil dalam menahan lapar dan dahaga serta mengawal hawa nafsu selama sebulan di bulan Ramadhan Al-Mubarak yang lalu.
2. Saya mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua yang hadir pada pagi ini. Saya juga ingin menzahirkan kesyukuran dan kegembiraan melihat tuan-tuan dan puan-puan semua telah selamat kembali bertugas dalam keadaan sihat dan ceria selepas bercuti sempena menyambut Aidilfitri bersama keluarga di kampung halaman.
3. Dengan kehadiran bulan Syawal ini, semoga kita semua dapat mensucikan diri dengan saling bermaafan antara saudara, sahabat dan orang-orang sekeliling kita. Marilah kita merasai kemanisan silaturrahim dengan saling maaf bermaafan agar hubungan kita menjadi semakin erat dan penuh bermakna. Seperti kata pepatah, buanglah yang keruh dan ambil yang jernih. Diharapkan semua warga kerja JPM dapat terus berusaha mengukuhkan silaturrahim sesama kita, mendoakan kebaikan dan kesejahteraan semua, seterusnya bersama-sama berpadu tenaga ke arah meningkatkan kecemerlangan Perkhidmatan Awam.

4. Sebagaimana sesi hebahan maklumat sebentar tadi, terdapat beberapa orang warga kerja yang telah bertukar keluar dari Jabatan/Agensi JPM sepanjang bulan Mei 2019 ini. Saya percaya semua pegawai tersebut telah bertungkus lumus melaksanakan amanah dengan penuh tanggungjawab sepanjang tempoh bertugas di JPM. Oleh itu, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih atas segala khidmat bakti yang telah dicurahkan. Semoga tuan-tuan dan puan-puan terus cemerlang walau di mana jua sahaja tuan-tuan dan puan-puan berkhidmat.
5. Saya juga ingin merakamkan ucapan selamat datang dan selamat bertugas kepada warga kerja baharu di JPM. Semoga tuan-tuan dan puan-puan dapat menggalas tugas dan tanggungjawab baharu di JPM dengan komited untuk menyampaikan perkhidmatan yang berkualiti kepada pelanggan dengan berteraskan nilai-nilai integriti, akauntabiliti dan profesionalisme.
6. Pada kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Bahagian dan warga JPM yang telah menerima:
  - a) Anugerah Penjawat Cemerlang Bulanan;
  - b) Anugerah Peminjam Paling Aktif Perpustakaan JPM; dan
  - c) Anugerah *Most Active Department Lending Books @* Perpustakaan JPM.
7. Semoga anugerah yang diterima ini dapat memberi semangat kepada tuan-tuan dan puan-puan untuk meneruskan kecemerlangan dalam melaksanakan tugas seharian, sekaligus menjadi pendorong kepada warga JPM yang lain untuk

meningkatkan usaha dan komitmen masing-masing bagi menambahbaik kualiti perkhidmatan di JPM.

8. Saya juga mengucapkan tahniah kepada warga kerja JPM yang telah memenangi Pertandingan Poster Hari ICT (HICT) JPM 2019 dan Kuiz WowIT serta Pertandingan Poster Hari Raya JPM 2019. Berkhidmat sebagai penjawat awam bukan hanya bermaksud melaksanakan peranan dan tugas hakiki sebagai ahli jentera Kerajaan semata-mata; malahan penjawat awam perlu sentiasa berani menyahut seruan untuk meningkatkan kreativiti dan menjadi lebih inovatif dalam pelaksanaan tugas supaya dapat menyahut cabaran yang sentiasa berubah. Semangat dan kesediaan untuk menyertai pertandingan yang dianjurkan dari semasa ke semasa seperti ini merupakan satu usaha yang harus dibanggakan dan patut dicontohi oleh semua warga JPM.

**Yang Berbahagia Datuk-Datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati,**

### **REVOLUSI PERINDUSTRIAN KE-EMPAT (INDUSTRI 4.0)**

9. Berikutan perkembangan semasa teknologi, diramalkan lebih 50 bilion peranti elektronik akan diwujudkan dan berinteraksi antara satu sama lain menjelang tahun 2020. Peranti yang saling berhubungan ini mampu menjana “data raya” dan perkhidmatan digital tanpa batas. Kemunculan gelombang-gelombang teknologi baharu inilah yang dikenali sebagai Revolusi Perindustrian Keempat (Industri 4.0) atau “*The Fourth Industrial Revolution*”.

10. Untuk makluman semua, Industri 4.0 melibatkan pelbagai teknologi baharu yang menggunakan automasi; simulasi dan integrasi sistem; penggunaan robotik; *Internet of Things* (IoT) dan seumpamanya. Bermulanya revolusi ini, menandakan kemunculan sistem fizikal siber yang melibatkan keupayaan baharu sepenuhnya untuk manusia, mesin dan kaedah baharu teknologi saling berinteraksi.
11. Realitinya, cabaran yang kita hadapi pada hari ini memerlukan kita sentiasa bertindak secara proaktif dan pantas berubah mengikut keperluan semasa. Pengabaian kepada teknologi baharu atau tidak bersedia untuk menerima perubahan akan menyebabkan kita ketinggalan. Seterusnya, kita tidak dapat bersaing dengan negara yang lebih terkehadapan dalam bidang sains dan teknologi. Oleh itu, saya memohon semua warga JPM untuk terus menyokong usaha Kerajaan dalam menjayakan Dasar Digital Malaysia yang sedang dilaksanakan.
12. Saya difahamkan bahawa pada hari ini, kita akan mendengar taklimat berhubung peranan *Internet of Things* atau IoT dalam merealisasikan Industri 4.0. Saya berharap taklimat ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh semua warga kerja JPM dalam memahami dan bersedia mendepani arus Industri 4.0.

**Hadirin dan hadirat sekalian,**

**HARI ICT JABATAN PERDANA MENTERI (HICT JPM) TAHUN 2019**

13. Bersempena dengan pelancaran sebentar tadi, Bahagian Teknologi Maklumat (BTM) juga turut menganjurkan Hari ICT JPM (HICT JPM) sepanjang hari ini. Saya telah dimaklumkan bahawa program ini merupakan kali pertama diadakan di JPM sebagai salah satu program kesedaran ICT; serta memberi peluang dan ruang kepada semua warga JPM bagi mendapatkan maklumat berkenaan perkhidmatan ICT Sektor Awam selaras dengan perkembangan pesat dunia teknologi digital masa kini.
14. Saya ingin merakamkan sekalung tahniah kepada BTM di atas inisiatif penganjuran tersebut, dan saya menyeru kepada semua warga kerja yang berkelapangan untuk turut serta meluangkan masa dan memanfaatkan peluang yang ada untuk memantapkan pengetahuan dan kompetensi berkaitan dengan Industri 4.0 dan teknologi siber.
15. Saya juga ingin merakamkan penghargaan terima kasih terhadap usaha yang dibuat oleh pihak penganjur terutamanya pihak BTM dalam mengurus perdanakan ICT dan juga Industri 4.0 dan juga komponen-komponen berkaitan ICT ini dalam kehidupan kita sebagai penjawat awam atau di dalam ruang lingkup kehidupan peribadi masing-masing.

16. Revolusi Digital, ICT, *Internet Of Things*, Industri 4.0 dan sebagainya adalah masa hadapan. Kita tidak ada pilihan lain selain mempersiapkan diri kita untuk menyambut ketibaan arus perdana digital ICT tersebut. Sebenarnya Industri 4.0 ini dan sebagainya ini telah berada di sekitar kita dalam masa yang lama dahulu. Isunya kini bagaimana kita hendak mengadaptasi dengan menjadikannya sebahagian daripada kehidupan kita.
17. Dalam konteks pekerjaan kita, perlu dilihat ruang-ruang yang boleh dibuat secara digital dalam menjadikan penyampaian perkhidmatan kita yang lebih mudah, ringkas dan dapat dibuat secara online dan digital. Di JPM kini, saya dapati telah banyak sistem-sistem yang digunakan dan dibangunkan bagi membantu memudahkan urusan seperti *ez-apply* dan sebagainya.
18. Jadi saya berharap supaya kita sentiasa berusaha untuk mencari peluang akan penggunaan *digital platform* ini dalam melaksanakan perkhidmatan kita supaya lebih produktif dalam melaksanakan tugas dengan lebih cepat.

### **KEMPEN PENGURANGAN BEG PLASTIK**

19. Seiring dengan kemajuan teknologi masa hadapan, kita juga tidak seharusnya mengabaikan penjagaan alam sekitar dan keseimbangan ekosistem bumi. Kelalaian kita dalam memastikan alam sekitar terus terpelihara dikhuatiri akan membawa kesan yang memudaratkan terhadap kesihatan manusia; seterusnya mampu menggugat ekonomi negara dalam jangka masa panjang.



20. Pertambahan penggunaan bahan berasaskan plastik seperti beg plastik, penyedut minuman dan lain-lain telah menyebabkan lambakan plastik secara tidak terkawal di Negara kita. Menurut kajian yang dibuat oleh Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, rakyat Malaysia telah menghasilkan lebih daripada 19,000 tan sisa pepejal setiap tahun; dan 24% daripadanya merupakan bahan sisa plastik.
21. Bahan ini seperti yang semua sedia maklum mengambil masa selama 100 hingga 500 tahun untuk lupus (terbiodegrasi) secara semulajadi, manakala bahan toksik pula mudah larut dan meresap ke bumi. Kejadian ini sememangnya mampu menjejaskan rantai makanan kita, seterusnya menjadi ancaman utama kepada alam sekitar dan tahap kesihatan manusia.
22. Oleh itu, saya menyeru kepada tuan-tuan dan puan-puan untuk turut bersama-sama memainkan peranan dalam mengurangkan perkara ini daripada terus menjadi amalan yang tidak sihat. Kurangkan penggunaan beg plastik atau plastik sekali guna dan hargailah keharmonian alam sekitar yang tuhan telah anugerahkan kepada kita.

## **PENUTUP**

23. Akhir kata, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua yang terlibat bagi menjayakan perhimpunan pada pagi ini. Harapan saya agar kita sentiasa dapat memupuk dan meningkatkan semangat, menggandakan usaha dan berganding

bahu demi menjayakan aspirasi dan matlamat JPM. Sesungguhnya kejayaan hanya dapat dicapai melalui usaha dan keazaman yang tinggi; serta semangat kerja berpasukan untuk mencapai kecemerlangan pada masa hadapan.

24. Di JPM ini kita perlu menyahut cabaran dalam memenuhi ekspektasi pelanggan dan *stakeholders* kita dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik.
25. Semoga bertemu lagi pada perhimpunan yang akan datang.

Wabillahittaufik walhidayah,

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.